



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



# 7S 1Murid 1Sukan

## KEBANGSAAN 2017 TERENGGANU

24 - 28 SEPTEMBER 2017

ISNIN 26 SEPTEMBER 2017, ZAFRAN MUSTAFA

**Kuala Terengganu:** Kejohanan Bolasepak 7S1M1S KPM-YBR Peringkat Kebangsaan 2017 bertempat di Kompleks Sukan Gong Badak pada hari ini dimulakan dengan upacara majlis perasmian dan gimik sepak mula dari Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Bank Rakyat , YBr. Tn.Hj. Saiful Yazan Bin Sulaiman. Turut hadir bersama memeriahkan majlis perasmian adalah wakil VVIP dari Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendidikan

Negeri Terengganu serta Ketua Wilayah 6 Bank Rakyat, En. Azman Bin Abdul Aziz.

Para peserta kejohanan diberikan kata-kata perangsang sebelum berlangsungnya kejohanan agar semangat kesukanan yang cuba disemai melalui pertandingan bolasepak ini dapat diaplikasikan oleh para peserta bukan sahaja di atas padang bahkan dapat juga dipraktikkan dalam bidang akademik mereka.

Aturcara perlawanan berlangsung tanpa sebarang masalah dengan menyaksikan kesemua kontinjen pasukan bertanding berusaha sedaya upaya menempah tiket ke slot suku akhir pada pagi esok.

Berikut adalah senarai 8 kontinjen yang layak ke perlawanan suku akhir pada hari terakhir kejohanan iaitu Terengganu, Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Selangor dan Pahang. Bagi kontinjen yang tewas pada pusingan kumpulan akan dipertemukan dalam slot divisyen Perdana, yang mana kesemua pasukan ini akan bermain seawal jam 8.00 pagi pada hari kejadian. Akan turut hadir menyaksikan perlawanan final pada lewat petang esok adalah Timbalan Pengarah Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia, En. Zainal Abas.

